

UNIT 19 Kenali Malaysia

Tema 10 Selamat Datang ke Malaysia

DSKP Tatabahasa

Buku Teks: m.s. 124

Analisis petikan di bawah ini untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan kata kerja transitif. Kemudian, betulkan kesalahan yang telah dikenal pasti. SP: 5.6.1

KBAT Menganalisis; Menilai



Video

Tanah Tinggi Cameron merupakan sebuah pusat peranginan dan percutian yang popular di Malaysia. Tanah Tinggi Cameron terletak di bahagian barat laut negeri Pahang. Terdapat tiga mukim di dalam daerah Tanah Tinggi Cameron, iaitu Ringlet, Tanah Rata, dan Ulu Telom. Jarak antara Tanah Tinggi Cameron dengan Kuala Lumpur kira-kira 200 kilometer.

Nama Tanah Tinggi Cameron diambil bersempena dengan nama Sir William Cameron, seorang juruukur British. Beliau telah diarahkan oleh kerajaan British yang menjajah Tanah Melayu pada ketika itu untuk melakukan pemetaan persempadanan Pahang-Perak pada tahun 1885. Beliau memula ekspedisi berdekatan dengan Estet Waterloo yang terletak di Kuala Kangsar, Perak dan melalui Gunung Chabang yang terletak di Batu Gajah, Perak. Beliau kemudiannya meneruskan pemetaan melalui Pahang dan berakhir di kawasan Ulu Bertam atau Selangor. Dalam ekspedisi tersebut, beliau membina beberapa jalan belukar baharu merentasi Lembah Telom dan menjumpai satu dataran yang luas. Sir William Cameron menyatakan bahawa beliau melihat suatu dataran yang luas di kawasan tinggi serta bercerun-cerun seperti pusaran. Walau bagaimanapun, beliau gagal menentukan lokasi kawasan tersebut di atas peta.

Selepas 40 tahun kawasan Tanah Tinggi Cameron dikaji sekali lagi oleh Sir George Maxwell apabila beliau mengada siri lawatan ke tempat tersebut. Beliau menghabiskan lebih kurang sembilan hari melakukan kaji selidik terhadap kawasan ini. Sir George Maxwell bersetuju bahawa kawasan Tanah Tinggi Cameron perlu dibangunkan. Tanah Tinggi Cameron masih menjadi destinasi pilihan para pelancong domestik dan antarabangsa sehingga hari ini. Antara tempat menarik yang terdapat di Tanah Tinggi Cameron termasuklah Ladang Teh Boh Sungai Palas, Taman Agro Al-Mashoor, Kebun Pokok Lavender, dan Taman Rama-rama Kea Farm.

Kesalahan	Pembetulan
1 merrupakan	merupakan
2	
3	
4	
5	
6	
7	
8	